



Ruj. Tuan : scan-rent

Ruj. Kami : JKKP IS 127/453/3-201022944(2)

Tarikh : 12-Nov-2010

Pengurus,
Scan-Rent Sdn Bhd,
C2-4F, Jln Ampang Utama 1/1,
Off Jalan Ampang,
68000 Ampang,
Selangor.

Tuan,

Kelulusan Rekabentuk (1) Unit Mesin Angkat 'Gondola (Temporary)'

Model : ELIFT 500KG-900004
Buatan : FIXATOR SDN BHD, China
Untuk : Scan-Rent Sdn Bhd
Kedudukan : SIMPANAN
No. Pelan : 910CN-EO3
Koda Rekabentuk : EN1808

Perihal

Model Jentera angkat : ELIFT 500kg-900004
Buatan Jentera Angkat : FIXATOR SDN BHD, China

Saiz Pelantar Kerja : 3.6 meter persegi
Beban Kerja Selamat : 500/800 kg (dua orang pekerja sahaja).

Adalah saya di arah merujuk kepada surat tuan berkenaan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa rekabentuk mesin angkat tersebut adalah diluluskan. Beban kerja selamat yang diuntukkan adalah termasuk alat-alat keselamatan, pekerja dan bahan-bahan kerja di atas pelantar. Syarat-syarat berikut mestilah dipatuhi :-

- i. Adalah menjadi tanggungjawab perekabentuk, pembuat dan pembekal untuk memastikan bahawa mesin angkat ini telah direkabentuk dan dibina tanpa mendatangkan apa-apa bahaya apabila digunakan dengan sepatutnya.
- ii. Rekabentuk dan pembinaan mesin angkat ini hendaklah sekurang-kurangnya mematuhi kehendak kod rekabentuk yang dinyatakan di atas.
- iii. Penamatan pada hujung tali dawai keluli mestilah dari jenis yang boleh menahan beban sebanyak 80% daripada daya putus minima (minimum breaking load) tali dawai tersebut.


(bersambung di muka sebelah)

- iv. Mesin angkat ini hendaklah lulus ujian beban statik pada kilogram dan ujian beban dinamik pada kilogram dengan disaksikan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
 - v. Pemilik adalah bertanggungjawab bagi memastikan bahawa jentera ini disenggara dengan baik dan mengikut spesifikasi pembuat.
 - vi. Kerja-kerja pemasangan dan penyenggaraan mesin angkat ini mestilah dijalankan oleh firma yang berdaftar dengan Jabatan ini. Hanya alat-alat ganti asli sahaja dibenarkan untuk digunakan.
 - vii. Mesin angkat ini mestilah diperiksa pada tiap-tiap kali sebelum digunakan oleh orang yang telah dilantik oleh pemilik. Beliau hendaklah telah menjalani latihan yang dikendalikan oleh wakil pembuat atau syarikat penyenggara yang berdaftar dengan Jabatan ini. Apa-apa kerosakan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pekerja, orang awam dan/atau kerosakan hartabenda mestilah dilaporkan terus kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tempatan.
 - viii. Hanya pekerja yang terlatih dibenarkan mengendalikan mesin angkat ini dan penggunaan alat-alat keselamatan termasuk "life-line" adalah diwajibkan. Papan notis yang menunjukkan beban kerja selamat dan penggunaan alat-alat keselamatan mestilah disediakan pada pelantar dan jentera angkat.
 - ix. Mematuhi apa-apa syarat tambahan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
3. Perlu diingatkan juga bahawa pemilik mesin angkat ini perlu mematuhi lain-lain kehendak Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 serta peraturan-peraturan di bawahnya.
4. Sila berhubung dengan Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tempatan untuk kebenaran memasang dan ujian ke atas mesin angkat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZAHARI BIN HITAM)

b.p Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.

s.k: Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Tempatan